

Ibnu al-Jaarud, at-Thabaraani dan lain-lain). Hadits ini jelas menunjukkan amal bukanlah komponen yang tidak dapat dipisahkan sama sekali dari iman. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. langsung tidak bertanya tentangnya. **Iman menurut Murji'ah tidak** lebih daripada nama kepada membenarkan agama Islam dengan hati (تصديق بالجنان) semata-mata. Pengakuan dengan lidah (إقرار باللسان) dan (melakukan suruhan agama dengan anggota badan) bagi mereka bukan syarat dan bukan juga juzu' iman. Cogan kata mereka ialah لا تضر مع الإيمان معصية كما لا تضر مع الكفر طاعة مع الكفر (Tidak mengapa melakukan ma'shiat kalau beriman. Tidak berguna keta'atan kalau ia dilakukan dalam kekufuran). إن المؤمن وإن عصى لا يدخل النار (Sesungguhnya orang mu'min tidak akan masuk neraka walaupun ia melakukan ma'shiat). **Firqah (aliran) Jahmiyyah** pula berpendapat, iman adalah nama kepada ilmu dan pengetahuan (معرفة) tentang agama Islam. Apabila seseorang mengetahui Islam adalah benar dan ia adalah agama Allah, itu berarti mereka sudah pun beriman. Iman mereka bahkan sudah sempurna! **Golongan Khawarij berpendapat**, iman adalah gabungan tiga rukun berikut: التصديق بالجنان (menerima atau membenarkan dengan hati), الإقرار باللسان (mengaku dengan lidah) dan العمل بالأركان (melakukan suruhan agama dengan anggota badan). Oleh kerana mereka menganggap العمل بالأركان sebagai juzu' hakiki (komponen sebenar) dan asas iman yang tidak dapat dipisahkan, mereka menghukum kafir terhadap orang yang meninggalkannya. Orang yang melakukan dosa besar bahkan akan kekal di dalam neraka menurut mereka. **Golongan Mu'tazilah juga** mempercayai iman adalah gabungan tiga rukun tersebut, tetapi seseorang yang tidak mengamalkan amalan agama, tidaklah sampai menjadi kafir. Ia bagaimanapun telah terkeluar dari sempadan iman. Kedudukan orang-orang yang tidak mengamalkan perintah agama bagi mereka adalah di antara sempadan iman dan sempadan kekufuran (منزلة بين المنزلتين). **Sebenarnya latar belakang semasa** merupakan salah satu faktor penting yang melahirkan perbezaan pendapat di antara dua golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah yang tersebut tadi. Kewujudan gelombang Murji'ah dan Jahmiyyah telah mendorong golongan pertama bertegas mengatakan 'amal bil arkaan sebagai juzu' iman. Walaupun pada hakikatnya 'amal bil arkaan itu di sisi mereka tidak lebih daripada juzu' penyempurna atau juzu' mukammil sahaja. Ini kerana golongan Murji'ah percaya amal sama ada baik atau buruk tidak memberi apa-apa kesan kepada iman seseorang. Menerima agama Islam sebagai agama yang benar di dalam hati sahaja sudah memadai untuk dianggap seseorang itu mu'min yang pasti akan masuk syurga. Walaupun ia tidak pernah melakukan apa-apa kebaikan dalam kehidupannya. Penerimaan agama sekadar itu cuma, sudah memadai untuk menghalang seseorang masuk neraka, walaupun di sepanjang hayat ia hanya melakukan kejahatan dan dosa. **Golongan kedua pula menghadapi** gelombang puak Khawarij dan Mu'tazilah yang percaya bahawa seseorang akan terus menjadi kafir atau terkeluar dari batas iman sebaik sahaja ia tidak melakukan apa-apa suruhan agama yang wajib atau melanggar apa-apa perintah dan larangan agama yang menyebabkan pelakunya berdosa besar. Ini kerana dalam asas kepercayaan mereka, amal adalah juzu' asasi dan juzu' mukawwin (komponen yang membentuk hakikat) iman sama seperti tashdiq. Latar belakang inilah yang mendorong golongan kedua menafikan amal bil arkaan sebagai juzu' iman. **Oleh kerana golongan kedua menafikan** amal bil arkaan sebagai salah satu juzu' iman seperti golongan Murji'ah, mereka kadang-kadang dituduh Muji'ah. Padahal Murji'ah menafikan kedua-dua bentuk juzu' mukawwin dan mukammil. Golongan kedua pula hanya menafikan amal bil arkaan sebagai juzu' mukawwin sahaja. Mereka tidak pernah menafikannya sebagai juzu' mukammil. Inilah sebenarnya perkara yang menjadi punca kepada tuduhan melulu

seperti itu. Puncaknya ialah kejahilan tentang perbezaan di antara **juzu' mukawwin dan juzu' mukammil**. Kalaulah semata-mata menyerupai sesuatu golongan yang menyeleweng pada pandangan sepintas lalu, membolehkan anda mengaitkan sesuatu aliran yang benar dengan golongan yang menyeleweng itu, niscaya boleh juga anda kaitkan aliran pertama dengan aliran Khawarij dan Mu'tazilah. Kerana bukannya dua golongan yang menyeleweng itu juga mempercayai iman murakkab? Membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan mengamalkan segala titah perintah Allah dan rasulNya adalah tiga komponennya?? Kenapa tidak pula golongan pertama dikaitkan dengan dua golongan yang menyeleweng itu??? Jika jawapannya ialah keserupaan yang kelihatan kepadamu itu adalah akibat pandangan sepintas lalu, maka begitulah juga dengan golongan kedua. Sebabnya golongan pertama tidak boleh dikaitkan dengan Khawarij dan Mu'tazilah ialah kerana mereka tidak menganggap amal bil arkaan sebagai juzu' mukawwin iman seperti dua aliran yang menyeleweng itu. Mereka hanya menganggapnya juzu' mukammil atau mutammim semata-mata. **Tuduhan terhadap golongan kedua** sebagai Murji'ah agak meluas di suatu ketika dahulu sehingga asy-Syahrastaani di dalam kitabnya al-Milal wa an-Nihal membahagikan Murji'ah kepada dua puak. **Pertama:** Murji'ah ahli bid'ah. Mereka ini langsung tidak memandang penting terhadap sebarang amalan dalam kehidupan beragama. **Kedua:** Murji'ah Ahli as-Sunnah. Mereka ini meskipun tidak menganggap amal bil arkaan sebagai juzu' iman, tetapi sangat mengambil berat tentangnya. Selain sangat kuat beramal, mereka juga merupakan pengikut Sunnah yang setia. Daripada keterangan asy-Syahrastaani itu dapat disimpulkan golongan kedua tadi kalau pun telah dipanggil sebagai Murji'ah, ia bukanlah Murji'ah yang sesat tetapi termasuk dalam Murji'ah Ahli as-Sunnah yang sangat mengambil berat tentang amalan dan sangat kuat beramal mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w. **Banyak sekali terdapat ayat-ayat** al-Qur'an yang membuktikan bahawa pembentukan iman tidak akan lengkap tanpa adanya keimanan dan amalan keta'atan, kedua-duanya sekali. Sebanyak 34 tempat di dalam al-Qur'an di mana tersebut **الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ**. Antara lainnya ialah dua ayat berikut: **إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ** Bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan melakukan amalan-amalan saleh..." Mengikut qaedah ilmu *Nahu 'Arab*, kata sendi yang memisahkan di antara perkataan **آمَنُوا** dan **وَعَمِلُوا** di dalam ayat di atas ialah **و** (dan). Wau itu pula adalah Wau 'Athaf (**واو**) (**العطف**) yang membawa maksud pemisah di antara dua atau lebih kata perbuatan atau kata nama yang berbeza hakikatnya (**يقتضي المغايرة**). Ia menunjukkan iman dan amal saleh itu adalah dua entiti yang berlainan tetapi saling melengkapi satu sama lain. Di dalam satu ayat yang lain pula iman digambarkan sebagai satu syarat untuk sahnya amal saleh, iaitu;

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٥٢

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan amal saleh, baik laki-laki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan. (an-Nahl: 97).

Walaupun percanggahan di antara pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas kelihatan tidak sebesar mana pun pada pandangan orang-orang yang tidak mengetahuinya atau orang-orang yang tidak mengikuti perkembangan perbahasan mengenainya, tetapi kesan daripada perselisihan tersebut boleh membawa kepada pertikaian hukum 'aqidah yang agak kompleks. Contohnya bagi 'ulama' Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah, seseorang yang beriman tidak boleh melakukan apa jua amalan yang bertentangan dengan 'aqidah seperti menyembah berhala atau perbuatan dan ucapan

berunsur syirik selainnya, kerana perbuatan seumpama itu boleh merosakkan 'aqidah atau imannya. Sebaliknya amalan-amalan seumpama itu tidak akan meninggalkan apa-apa kesan pun kepada iman pelakunya menurut pegangan Murji'ah dan Karraamiyyah. Justeru pelakon-pelakon yang memegang watak-watak orang-orang kafir dengan melakukan aksi menyembah berhala seperti yang biasa dilakukan oleh bintang-bintang filem Hindustan atau Bollywood yang beragama Islam, pada hakikatnya mencerminkan kewujudan ajaran Murji'ah atau Karraamiyyah hingga dewasa ini. Malah tanpa kita sedari juga, 'aqidah Murji'ah dan Karraamiyyah tetap masih dipraktikkan di zaman moden ini apabila tidak kurangnya jumlah orang-orang Islam yang mengahwini orang-orang kafir dan menjalani kehidupan tanpa panduan dan suluhan agama.

Antara ciri-ciri umum yang terdapat pada semua aliran ajaran sesat ialah ajaran mereka terpesong daripada landasan Sunnah Nabi s.a.w. Punca utamanya ialah kerana sikap membelakangi hadits-hadits Baginda s.a.w. Maka al-Qur'an ditafsir sesuka hati tanpa merujuk dan memadankannya dengan interpretasi hadits. Contohnya ayat:

وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ ﴿٩٩﴾

Bermaksud: dan sembahlah Tuhanmu, sehingga datang kepadamu yakin. (al-Hijr: 99). Yakin yang tersebut di dalam ayat ini telah di tafsir oleh *golongan ilmu isi* (satu aliran sufi yang sesat) dengan tempoh yang diwajibkan kepada seseorang untuk menyembah tuhan ialah sebelum datang keyakinan (ma'rifat) kepadanya. Sebaik sahaja keyakinan datang di dalam jiwanya, maka menyembah Tuhan bukan lagi menjadi kewajibannya. Sedangkan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah mentafsirkan perkataan al-yaqin di dalam ayat itu dengan kematian. Dalil yang paling jelas untuk mentafsirkan maksud ayat tersebut ialah amalan Nabi s.a.w. sendiri serta amalan para sahabat Baginda yang tidak pernah jemu dan berhenti daripada melakukan ibadat-ibadat dan amalan-amalan keta'atan yang lain. Mereka sebaliknya sentiasa meningkatkan usaha dalam memperbanyakkan amalan sunat sehingga ke akhir hayat. Maka bolehkah seseorang menyimpulkan bahawa rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya tidak pernah sampai ke maqam yakin di sepanjang hayat mereka, lantaran mereka terus beribadat sampai ke akhir hayat? Oh, kalau begitu *golongan ilmu isi* lebih hebat lagilah daripada rasulullah dan para sahabatnya! Antara hadits yang menggunakan perkataan al-yaqin dengan erti kematian ialah hadits Ummul 'Alaa' berikut: عَنْ خَارِجَةَ بِنِ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ عَنْ أُمِّ الْعَلَاءِ وَهِيَ امْرَأَةٌ مِنْ نِسَائِهِمْ بَايَعَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: قَالَتْ طَارَ لَنَا غُثْمَانٌ بَيْنَ مَطْعُونٍ فِي السُّكْنَى حِينَ اقْتَرَعَتْ الْأَنْصَارُ عَلَى سُكْنَى الْمُهَاجِرِينَ فَاسْتَكْنَى فَمَرَضَنَاهُ حَتَّى تَوَفَّيْ ثُمَّ جَعَلْنَاهُ فِي أَثْوَابِهِ فَدَخَلَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ رَحِمَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ يَا السَّائِبَ فَشَهِدَتْنِي عَلَيْكَ لَقَدْ أَكْرَمَكَ اللَّهُ قَالَ وَمَا يُدْرِيكَ قُلْتُ لَا أَدْرِي وَاللَّهِ قَالَ أَمَّا هُوَ فَقَدْ جَاءَهُ الْيَقِينُ أَنِّي لَا أَرْجُو لَهُ الْخَيْرَ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ مَا أَدْرِي وَأَنَا رَسُولُ اللَّهِ مَا يَفْعَلُ بِي وَلَا بِكُمْ قَالَتْ أُمُّ الْعَلَاءِ فَوَاللَّهِ لَا أَرْكِي أَحَدًا بَعْدَهُ قَالَتْ وَرَأَيْتُ لُغْمَانَ فِي النَّوْمِ عَيْنًا تَجْرِي فَجِئْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ ذَلِكَ عَمَلُهُ يَجْرِي لَهُ

Bermaksud: Kharijah bin Zaid bin Tsabit meriwayatkan daripada Ummil 'Alaa'. Ummul 'Alaa' adalah salah seorang perempuan Anshaar yang telah berbai'ah kepada Rasulullah s.a.w. Kata beliau: "Kami bertuah kerana mendapat 'Utsman bin Madz'un dalam cabutan undi yang dibuat oleh golongan Anshaar untuk penempatan orang-orang muhajirin. 'Utsman bin Madz'un kemudiannya jatuh sakit. Kami merawat beliau sampai beliau meninggal dunia. Setelah kami selesai mengafankannya, masuklah rasulullah s.a.w. Ketika itu saya berkata: "Semoga rahmat Allah bercucuran ke atasmu wahai Aba as-Saa'ib! Aku bersaksi bahawa sesungguhnya Allah telah memuliakanmu". Rasulullah s.a.w. menegur (aku): "Mana kau tahu?" Jawab saya: "Saya demi Allah memang tidak tahu!" Baginda s.a.w. bersabda: "Dia

(‘Utsman bin Madz’un) sesungguhnya telah mati (ma’na asalnya ialah sesungguhnya telah didatangi keyakinan). Aku benar-benar mengharapkan kebaikan daripada Allah untuknya. Demi Allah! Aku walaupun seorang utusan Allah, tidak tahu apa sebenarnya akan dilakukan terhadapku dan kamu.” Kata Ummul ‘Alaa’: “Demi Allah! Aku tidak akan memuji sesiapa lagi selepas ini.” Kata Ummul ‘Alaa’: “Selepas itu aku bermimpi ‘Utsman mempunyai mata air yang mengalir. Aku pergi menemui rasulullah s.a.w. dan menceritakan mimpiku itu. Maka Baginda bersabda: “Itulah amalan jariahnya yang terus mengalir (sebagai pahala untuknya). (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, Nasaa’i, Baihaqi dan lain-lain). Al-Qur’an sendiri juga sebenarnya ada menggunakan perkataan al-yaqin dengan erti kematian. Lihat firman Allah di bawah ini tentang orang-orang yang bersalah sebagai contohnya:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ۚ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ۚ وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ الْمَسْكِينِ ۚ وَكُنَّا خَوْضَ مَعَ الْخَاطِئِينَ ۚ وَكُنَّا نَكْذِبُ بِيَوْمِ الدِّينِ ۚ حَتَّى أَتَيْنَا الْيَقِينَ ۚ

Bermaksud: Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar? (42) Orang-orang yang bersalah itu menjawab: “Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang; (43) Kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin; (44) Kami dahulu selalu mengambil bahagian dalam memperkatakan perkara yang salah, bersama-sama dengan orang-orang yang memperkatakannya; (45) dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan, (46) sehinggalah kami didatangi kematian. (47). (al-Muddatsir: 42-47).

Justeru dalam mentafsirkan ma’na-ma’na al-Qur’an, hadits dan Sunnah serta al-Qur’anlah yang seharusnya dijadikan rujukan utama. Jika ma’na sesuatu ayat al-Qur’an itu sudah ditafsirkan oleh Sunnah yang sahih, maka tafsiran yang bercanggah dengannya sudah pasti akan tertolak dengan sendirinya. Malah apa jua amalan berkaitan dengan agama yang tidak pernah diamal atau dianjurkan oleh Nabi s.a.w. adalah perbuatan sia-sia yang tidak mempunyai sebarang kelebihan. Melaksanakan sebarang amalan ibadah bolehlah diibaratkan sebagai pengambilan ubat-ubatan. Setiap preskripsi, dos dan jadual pengambilannya haruslah mengikut arahan yang ditetapkan oleh pakar perubatan. Sebarang penambahan dosnya yang difikirkan sendiri oleh pesakit tidak akan mempercepatkan proses penyembuhan, malah hanya akan mengundang kemudharatan. Dalam I’tiqad Ahli as-Sunnah wa al-Jama’ah, perbuatan seumpama ini dipanggil *Bid’ah*. Contohnya melakukan amalan puasa selama tiga bulan berturut-turut iaitu pada bulan Rejab, Sya’ban dan Ramadhan seperti yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat kita pada hari ini. Kerana menurut ‘ulama’ hadits, tidak ada sebuah hadits yang sahihpun yang menggalakkan pengamalannya. Malah Saiyyidina ‘Umar sendiri pernah dilaporkan telah memukul orang yang cuba menghidupkan amalan puasa pada bulan Rejab. **Oleh itu, sebagai pengikut Ahli as-Sunnah wa al-Jama’ah yang sejati, anda sepatutnya mengambil sikap proaktif untuk membezakan diri anda daripada golongan sesat dan ahli bid’ah dengan menghidupkan Sunnah Nabi s.a.w. di samping melenyapkan amalan-amalan bid’ah yang sememangnya menjadi syi’ar ajaran golongan berkenaan. Kerana antara ciri-ciri yang disepakati oleh seluruh ajaran sesat ialah sikap mereka yang menolak hadits-hadits sahih atau sikap anti hadits mereka atas alasan masing-masing. Sebagai contohnya, golongan Mu’tazilah menolak hadits-hadits yang mereka rasakan bercanggah dengan logik atau ‘aql semasa. Kerana itulah mereka menolak hadits-hadits Israa’ Mi’raj dan Syaqqu as-Shadr (pembedahan dada Nabi s.a.w. oleh malaikat Jibril dan Mika’il) dan lain-lain. Sementara golongan Syi’ah akan menolak hadits-hadits yang diriwayatkan oleh selain Ahlul Bait.**

Ahlul Bait mengikut dalam definisi dan fahaman mereka hanya terbatas kepada 'Ali, Fatimah, Hassan, Husain dan anak-anak cucu mereka yang terpilih sahaja. Manakala golongan Khawarij hanya membataskan penerimaan hadits kepada tempoh-tempoh dan individu-individu tertentu sahaja daripada kalangan sahabat. Contohnya riwayat Saiyyidina 'Utsman menurut mereka, hanya boleh diterima sebelum beliau kononnya terpesong pendirian dalam memegang tampuk pemerintahan sahaja. Dengan alasan kredibiliti beliau selepas itu telah tercemar. Malah menurut mereka lagi riwayat sekalian para sahabat yang terlibat dalam pertelagahan sesama sendiri terutamanya selepas peristiwa pembunuhan 'Utsman juga tidak boleh diterima lagi. Ini kerana mereka telah terlibat dengan percakaran dan peperangan sesama Islam yang menurut mereka termasuk dalam perbuatan dosa besar. Melakukan dosa besar pula menurut kepercayaan mereka akan menjadikan seseorang itu kafir! **Jika diperhatikan dengan lebih jauh dan lebih halus**, golongan-golongan yang menyeleweng dan terpesong daripada landasan Islam yang sebenar itu bukan sekadar berani menolak dan mempertikaikan hadits-hadits rasulullah s.a.w. sahaja, malah adakalanya mereka sama ada secara sedar atau tidak, berani menolak al-Qur'an sekalipun jika ia didapati bercanggah dengan prinsip-prinsip pegangan dan kepercayaan mereka. Sebagai contohnya lihat bagaimana peristiwa Nabi Musa telah membelah laut dengan tongkat Baginda tidak diterima oleh golongan Mu'tazilah. Padahal ia bukan sahaja tersebut di dalam hadits-hadits Nabi s.a.w., malah tersebut juga di dalam al-Qur'an. Tetapi oleh kerana ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits itu bercanggah dengan salah satu prinsip mereka iaitu menafikan adanya mu'jizat para nabi a.s., mereka sama ada terus menolaknya atau menta'wilkannya dengan ta'wilan-ta'wilan yang bercanggah dan bertentangan sama sekali dengan al-Qur'an sendiri. Antara contoh ta'wilan mereka terhadap mu'jizat Nabi Musa a.s. yang telah membelah laut dengan tongkatnya ialah kata mereka bahawa kejadian yang sebenarnya telah berlaku ialah fenomena pasang surut air laut. Menurut mereka Nabi Musa a.s. adalah seorang yang arif tentang ilmu astronomi. Baginda a.s. sebenarnya telah merancang untuk melarikan kaumnya dengan menyeberangi laut pada waktu air laut akan surut. Tempoh surutnya juga telah diketahui oleh Baginda. Dalam perkiraan Nabi Musa, sebaik sahaja kaumnya berjaya menyeberangi laut, air laut akan pasang kembali dan ia akan mengakibatkan orang-orang yang mengekori mereka dari belakang tenggelam oleh air pasang itu. Ta'wilan seperti ini nyata sekali bertentangan dengan nas al-Qur'an, kerana Allah berfirman:

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ ۖ فَانفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ۖ

Bermaksud: lalu Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa: "Pukulah laut itu dengan tongkatmu". (Setelah dipukul) Maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu (terangkat) seperti gunung yang besar. (as-Syu'araa':63).

Walau bagaimanapun golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah tetap menerima kesemua hadits yang terbukti sahih datangnya dari Nabi s.a.w. atau para sahabat Baginda. Kredibiliti para sahabat tidak pernah mereka ragui apalagi dipertikai atau dicemuh. Sekiranya kesalahan-kesalahan para sahabat seperti meminum arak, berzina dan sebagainya dijadikan alasan oleh golongan yang menolak para sahabat dengan menda'wa bahawa kejujuran mereka juga tidak mustahil boleh tercemar, kesalahan-kesalahan tersebut sudah terbukti menjadi satu teladan dalam pembentukan syariat Islam. Kerana proses pembentukan hukum syariat tidak akan berjalan dengan lancar tanpa insiden-insiden yang telah mereka alami, di samping tiada sebarang bukti yang menunjukkan mereka pernah berbohong. Dalam masa yang sama kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan